

PERDANA LIBRARY
   
 PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
   
 NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	12 December 2015

**4 NASIONAL**
© SABTU 12 DISEMBER 2015 **BH**

---


**PERHIMPUNAN AGUNG UMNO 2015**



*BH-12/12/2015*

## Najib lawat Laman Media

**Datuk** Seri Najib Razak meluangkan masa kira-kira sejam melawat Laman Media sempena Perhimpunan Agung UMNO 2015, di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini, semalam.

Beliau yang juga Presiden UMNO meluangkan masa kira-kira 20 minit beramah mesra dengan petugas media selepas menunaikan Solat Jumaat bersama perwakilan di Dewan Tun Razak, PWTC.

Perdana Menteri juga mengunjung Pusat Media New Straits Times Press (NSTP) yang disambut oleh Pengarang Urusan, Kumpulan NSTP, Datuk Abdul Jalil Hamid. Yang turut hadir, Pengerusi Media Prima Bhd, Datuk Seri FD Iskandar; Pengarah Urusan Kumpulan Media Prima, Datuk Seri Ambrin Awaluddin; Ketua Pegawai Eksekutif NSTP, Datuk Mohammad Azlan Abdullah dan Pengarang Kumpulan BH, Datuk



*NEW STRAITS TIMES*

**Najib melihat gambar beliau bersama pemimpin ASEAN ketika melawat bilik operasi akhbar Kumpulan NSTP di Laman Media, PWTC, semalam yang turut diiringi (dari kiri) Mahfar, Amrin, Setiausaha Kerja UMNO, Datuk Seri Ab Rauf Yusoh, FD Iskandar, Mohammad Azlan, Abdul Jalil dan Ketua Penerangan UMNO, Datuk Ahmad Maslan.**

**Mahfar Ali.** Najib mengambil kesempatan untuk berbual, bermesra dan selfie dengan sebahagian besar petugas dan pengamal media yang berada di situ.

Sebelum itu, beberapa pemim-

pin tertinggi parti termasuk Naib Presiden, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dan Datuk Seri Hishammuddin Hussein; Ketua Pemuda, Khairy Jamaluddin Abu Bakar dan Ahli Majlis Tertinggi (MT), Datuk Seri Ismail Sabri Ya-

akob turut meluangkan masa melawat Laman Media.

**Kemudahan canggih** Seperti kelaziman, Laman Media UMNO dilengkapi ciri mesra pengamal media seperti WiFi, ruang

kerja yang luas selain ciri keselamatan yang ketat.

Seramai 1,453 petugas media daripada 60 agensi tempatan dan antarabangsa membuat liputan sepanjang perhimpunan itu mulai Selasa hingga hari ini.